

03 JUL 1996  
Kong-Kedudukan  
KEDUDUKAN KONG MUNGKIN DIKETAHUI ESOK

KOTA KINABALU, 3 Julai (Bernama) -- Kedudukan Pengerusi Gerakan Sabah Datuk Kong Hong Ming, yang telah menawarkan diri untuk meletakkan jawatan, mungkin diketahui esok, kata timbalan presiden parti Kerk Choo Ting hari ini.

Kerk, yang tiba di sini tengah hari ini, berkata satu rombongan diketuainya akan membincangkan kedudukan Kong pada pertemuan dengan Jawatankuasa Kerja Negeri parti itu malam ini.

Dua lagi anggota dalam rombongan itu ialah anggota jawatankuasa pusat Dr Kang Chin Seng dan Dr Toh Kin Woon.

"Kita akan mengadakan perbincangan yang panjang lebar dengan jawatankuasa kerja negeri malam ini. Sebarang keputusan mungkin akan diketahui esok," kata Kerk pada persidangan berita di lapangan terbang di sini.

Kong, yang juga naib presiden Gerakan, membuat gempar dalam Barisan Nasional (BN) kerana mengambil tindakan berkecuali ketika mengundi bagi pindaan terhadap Enakmen Hutan 1968, yang diluluskan di persidangan dewan negeri bulan lepas.

Kong tidak hadir pada persidangan dewan ketika pengundian dijalankan bagi empat lagi rang undang-undang, yang bertujuan menghadkan kuasa Ketua Menteri.

Seorang lagi penyokong BN, Jahid Jahim dipecat dari Akar Bersatu kerana mengundi menentang Enakmen Hutan dan tidak menghadiri persidangan dewan semasa empat lagi rang undang-undang itu dibentangkan untuk kelulusan.

Kerk, yang juga Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, berkata beliau akan melaporkan kepada jawatankuasa pusat parti mengenai hasil pertemuan malam ini.

Mengenai surat Kong yang menawarkan diri untuk meletakkan jawatan, Kerk berkata Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik telah menerima surat itu dan beliau (Lim) telah menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung perkara itu.

-- BERNAMA  
KG AKD